

Strategi Pengajaran Tafsir Al-Quran dalam kalangan Guru Pendidikan Islam

Azmil Hashim¹, Nazirul Izzati An² & Mohd Marzuqi Abdul Rahim³

Universiti Pendidikan Sultan Idris

azmil@fsk.upsi.edu.my¹, nurimanseri@gmail.com² & marzuqi@fsk.upsi.edu.my³

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti strategi pengajaran Tafsir al-Quran dalam kalangan guru pendidikan Islam. Rekabentuk kajian adalah kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan dalam mengumpul data yang melibatkan 254 orang pelajar tingkatan empat dan 34 orang guru Pendidikan Islam. Kajian ini melibatkan 5 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Negeri Sabah. Data kajian telah dianalisis secara deskriptif menggunakan min, sisihan piawai dan peratus. Dapatan kajian mencatatkan tahap interpretasi amalan pengajaran tafsir dari aspek persediaan pengajaran, perkembangan pengajaran dan penutup pengajaran berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan kajian ini diharap dapat membantu pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, sekolah, institusi-institusi pendidikan yang lain dalam menyusun dan merangka program yang bersesuaian dengan keperluan guru al-Quran serta dapat membantu guru dalam merancang pengajaran tafsir al-Quran yang lebih berkesan bagi meningkatkan penghayatan al-Quran dalam kalangan pelajar.

Kata Kunci: Pengajaran, tafsir al-Quran, akhlak

PENGENALAN

Ilmu tafsir merupakan sebahagian ilmu daripada ilmu al-Quran dan penguasaan terhadap ilmu ini dapat membantu seseorang muslim untuk memahami Islam dengan lebih mendalam. Tanpa al-Quran umat Islam tidak akan mendapat pertunjuk dan tanpa ilmu tafsir kita tidak akan mengetahui cara untuk mengamalkan petunjuk tersebut (Khalid Mahmood Shaikh, 1999). Allah s.w.t. berfirman dalam Surah al-Shad yang bermaksud:

كِتَابٌ أَنزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارِكٌ لِيَدَبُورُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ

“(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu Wahai Muhammad), Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatNya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar”.

(Al Shad; 29)

Ayat di atas dengan jelas menggesa umat Islam agar mentadabbur, menghayati, memahami dan memikirkan tentang ayat-ayat al-Quran dan tidak hanya sekadar membacanya sahaja. Al-Zamakhshyri (538H) berkata tadabbur al-Quran bererti melakukan ta’amul (penghayatan) kepada makna dan memerhati dengan mata hati yang mendalam pada makna-makna tersebut. Al-Zarkasyi (794H) menyebut sesiapa yang tidak mempunyai ilmu, kefahaman, taqwa, tadabbur, dia tidak akan mengetahui kelazatan al-Quran. Allah s.w.t. berfirman lagi dalam Surah Muzzammil(73): 4, Surah al-Jumu’ah(62):5, Surah al-Baqarah (2): 242, Surah Yusuf(12):2, Surah al-Qamar(54):17, 22, 32 dan 40 dengan maksud tujuan yang sama. Hal ini menjelaskan bahawa tuntutan memahami al-Quran adalah sesuatu yang penting dan perlu dilakukan oleh semua umat Islam yang beriman dengan kitabullah.

Pengajaran tafsir al-Quran di peringkat sekolah menengah telah lama diamalkan di Malaysia yang dikenali dengan ayat kefahaman di dalam komponen Tilawah al-Quran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan di dalam komponen Pengajian al-Quran dalam mata pelajaran PQS.

Mengikut Sukatan Pelajaran PQS (2002), pembelajaran Pengajian al-Quran dapat memperkayakan lagi pengetahuan, kemahiran dan penghayatan yang berkaitan dengan al-Quran dan al-Sunnah untuk diamalkan dan dihayati dalam kehidupan sehari-hari. Objektifnya ialah untuk melahirkan pelajar yang dapat memahami dan menghayati ajaran Islam dalam kehidupan sehari-hari berpandukan al-Quran dan al-Sunnah.

Rentetan kemasukan pengajaran tafsir al-Quran dalam KBSM, dapat difahami bahawa pengajaran tafsir adalah satu cabang ilmu yang tidak harus dipinggirkan kepentingannya dalam usaha melahirkan generasi rabbani. Menurut Abdul Ghani Azmi (1999) al-Quran diturunkan untuk difahami, justeru itu aspek kefahaman, pengetahuan dan penghayatan perlu dicantumkan untuk menjadikan al-Quran berperanan sebagai kitab panduan dalam kehidupan.

PERNYATAAN MASALAH

Komponen Tilawah al-Quran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam menekankan lima aspek penting iaitu penguasaan tilawah al-Quran, hafazan, tafsir al-Quran ayat kefahaman, pengajaran ayat dan penghayatan. Pengajaran daripada tafsir al-Quran ayat kefahaman seringkali tidak ditekankan dalam pengajaran Pendidikan Islam dalam bilik darjah. Hasil kajian Misnan Jemali (2008) menunjukkan bahawa guru kurang menekankan aspek mentafsir ayat kefahaman dalam bahagian Tilawah al-Quran dalam pengajaran. Manakala banyak kajian-kajian lepas yang telah dilakukan menunjukkan tahap penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan pelajar menengah juga berada pada tahap sederhana (Misnan Jemali, 2008 & Mohd Aderi Che Noh, 2011). Ini menunjukkan guru kurang menekankan aspek kemahiran membaca al-Quran dalam kalangan pelajar seterusnya pengajaran kefahaman terhadap ayat-ayat al-Quran itu sendiri juga turut diabaikan.

Selain itu, guru juga tidak menjadikan tafsir al-Quran sebagai salah satu objektif dalam pengajaran Tilawah al-Quran. Ini dibuktikan melalui kajian Misnan Jemali (2008), dapatan kajian bagi aspek membincangkan tafsir al-Quran sebagai objektif pengajaran, dapatan kajian menunjukkan seramai 67.9% daripada responden menyatakan bahawa pengajaran Tilawah al-Quran di kelas tidak kerap menekankan kemahiran tafsir al-Quran. Dapatkan ini menunjukkan lebih separuh responden pelajar menyatakan bahawa guru mereka tidak kerap membincangkan tafsir al-Quran di dalam kelas. Ditambah lagi seramai 52% daripada responden pelajar menyatakan bahawa guru kurang memberi penekanan kepada kemahiran tafsir al-Quran dalam pengajaran Tilawah al-Quran. Ini jelas menunjukkan sebahagian besar responden pelajar menyatakan bahawa pengajaran kemahiran tafsir al-Quran kurang diberi penekanan dalam pengajaran Tilawah al-Quran dari segi objektif pengajaran mahupun dalam amalan pengajaran guru sehari-hari.

Guru Pendidikan Islam juga dilihat tidak memberi penekanan kepada aspek menterjemah ayat kefahaman Tilawah al-Quran. Keadaan ini menjauhkan lagi pelajar daripada terus memahami kandungan al-Quran. Ini dibuktikan melalui kajian Misnan Jemali (2008), dapatan kajian menunjukkan penekanan kemahiran menterjemah ayat al-Quran di kalangan guru dalam pengajaran Tilawah al-Quran, menunjukkan hanya seramai 15.4% daripada responden pelajar menyatakan guru kerap mengajar kemahiran menterjemah ayat al-Quran dalam pengajaran Tilawah al-Quran. Dapatkan kajian ini juga menunjukkan bahawa kemahiran menterjemah ayat al-Quran dalam Tilawah al-Quran berada pada tahap yang sangat rendah di mana kemahiran ini tidak diberi penekanan yang sewajarnya oleh guru. Dapatkan kajian ini menjelaskan kepada kita bahawa guru tidak menjadi agen yang efektif dalam pengajaran ayat-ayat kefahaman al-Quran dalam mencapai matlamat pendidikan Islam itu sendiri.

Teori Pengajaran al-Ghazali

Ibn Khaldun (2000) mengukuhkan pandangan ini dengan menyebut bahawa pengajaran ilmu kepada pelajar-pelajar akan berkesan apabila dilakukan secara beransur-ansur. Al-Ghazali (1980) juga menyarankan penyampaian ilmu mengikut kesesuaian ilmu berdasarkan keupayaan pelajar. Bagi al-Ghazali (1980) antara tugas utama guru adalah membina pelajar dari segi akhlak di samping intelek supaya menjadi manusia yang baik dan bertanggungjawab. Setiap mata pelajaran yang diajar mesti dibekalkan dan dihayati dengan nilai kemuliaan manusia.

Al-Ghazali (1980) dalam bukunya “Ihya ‘Ulumuddin” menyatakan pengajaran perlu ditumpukan kepada ilmu-ilmu asas terlebih dahulu sebelum melanjutkan kepada ilmu seterusnya. Proses pengajaran dan pembelajaran haruslah dilakukan secara berperingkat-peringkat mengikut tahap kemampuan pelajar. Tambah al-Ghazali lagi pengajaran perlulah menjana pemikiran pelajar dengan menggalakkan pelajar memberi cadangan dan pandangan. Berdasarkan pandangan al-Ghazali ini, dapat disimpulkan strategi pengajaran yang bersesuaian dengan pandangan beliau adalah pengajaran berpusatkan guru, berpusatkan pelajar dan berpusatkan bahan.

Menurut Ragbir (2005), strategi merujuk kepada cara-cara bagaimana guru mengendalikan sesuatu aktiviti pembelajaran dengan sistematik dan merupakan tindakan-tindakan khusus yang dilakukan dengan sengaja oleh guru untuk mencapai matlamat-matlamat khusus dalam proses pembelajaran. Al-Ghazali tidak mengemukakan satu strategi pengajaran khas dalam bidang tafsir al-Quran. Walau bagaimanapun beliau menjelaskan sebahagian prinsip-prinsip dasar yang patut dipegang oleh setiap pendidikan dan pelajar.

Menurut al-Ghazali (1980) hubungan guru dan pelajar mestilah positif. Al-Ghazali (1980) amat mengharapkan diwujudkan hubungan kasih sayang antara guru dan pelajar. Hubungan yang dibina atas dasar kasih sayang, lemah lembut, saling mempercayai dan hormat-menghormati tercipta maka mesej setiap guru dan pelajar mudah terlaksana dan berada dalam situasi menyenangkan.

Manakala daripada aspek pelajar, al-Ghazali menjelaskan sifat-sifat yang mesti dimiliki oleh pelajar sehingga mereka dapat mengambil manfaat daripada proses pengajaran. Sifat-sifat tersebut adalah tawadu’, jiwanya suci daripada amalan tercela, setia dan ikhlas hatinya. Antara tujuannya ialah supaya pelajar tidak membenci terhadap disiplin ilmu yang tidak dikenali serta menganggap ilmu lain remeh (Abdul Salam, 2003). Hal ini selari dengan pemikiran Ibn Khaldun yang menggesa agar murid mesti membina hubungan secara langsung dengan guru supaya mudah untuk memperolehi ilmu daripada guru (al-Ghazali, 2008).

Menurut al-Ghazali (2008)proses pengajaran haruslah selari dengan kemampuan akal pelajar. Al-Ghazali milarang guru mengajar ilmu yang tidak dapat difahami oleh pelajar sehingga fikirannya menjadi kacau bilau. Al-Ghazali mengakui wujudnya perbezaan individu dari sudut persediaan akal dan kemampuannya (Abdul Salam, 2003). Selaras dengan pandangan al-Ghazali, strategi pengajaran pemasatan guru dapat memberi ruang kepada guru untuk mengatur isi pengajaran mengikut kemampuan akal pelajar. Pengajaran bertahap dapat dirancang melalui kaedah pengajaran ini. Selain itu, kaedah ini membantu guru menyusun isi pengajaran secara bersistematis dan menyampaikan isi pengajaran secara beransur-ansur.

Al-Ghazali (2008) menambah, guru perlu memberi idea dan pandangan-pandangan yang dapat membimbing pelajar untuk berfikir. Pandangan-pandangan itu dapat meningkatkan pengalaman dan maklumat mereka, seterusnya menggalakkan mereka memberi idea-idea dan pandangan yang kreatif. Oleh itu, guru dan pelajar dapat berkongsi pengalaman dan maklumat yang

berguna (Abdul Salam, 2003). Pemikiran pendidikan al-Ghazali ini bertepatan dengan strategi pengajaran pemuatan murid. Strategi pengajaran ini melatih pelajar untuk berfikir dan menjana idea-idea baru berdasarkan pengajaran yang disampaikan.

Al-Ghazali (2008) juga menegaskan pengajaran yang disampaikan haruslah bermula dari mudah kepada kompleks. Proses pengajaran dan pembelajaran haruslah dilakukan secara berperingkat-peringkat mengikut tahap kemampuan pelajar (Abdul Salam, 2003). Pandangan al-Ghazali ini bersesuaian dengan strategi pengajaran pemuatan bahan. Strategi pengajaran ini merupakan proses pembelajaran bertahap untuk menajamkan daya ingatan dan menambah kefahaman pelajar. Selain itu, strategi pengajaran ini bersifat pengukuhan kepada pengajaran yang telah disampaikan.

Al-Ghazali (2008) mempunyai pandangan yang luas terhadap aspek ilmu. Al-Ghazali menyarankan agar tujuan utama penggunaan ilmu diselaraskan dengan tingkat usia, tingkat kecerdasan, bakat serta mempunyai hubungan dengan nilai manfaat. Selain itu, al-Ghazali menempatkan para pendidik sebagai tokoh teladan bagi pelajar dan membiasakan pelajar-pelajar untuk mengamalkan ilmu yang dimiliki bagi kepentingan diri sendiri dan masyarakat (Abdul Salam, 2003)

Strategi pengajaran al-Ghazali ini selari dengan pandangan Ibnu Khaldun dalam bidang dengan pendidikan. Menurut Ibn Khaldun kaedah dan strategi pengajaran bukan satu sahaja bahkan berbagai-bagai mengikut tahap pelajar, suasana dan perbezaan loksai pendidikan. Selain itu, Ibnu Khaldun menyarankan guru supaya sentiasa memperhatikan murid semasa mengajar dan memahami masalah serta kesukaran mereka dalam menuntut ilmu. Oleh yang demikian, guru perlu berusaha menyelesaikan kesulitan pelajar-pelajarnya (al-Ghazali, 2008). Al-Ghazali sentiasa mengingatkan guru mendidik dengan kasih sayang agar pelajar dapat membina hubungan yang baik dengan guru hasilnya pengajaran dapat disampaikan dengan berkesan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif yang mengkaji strategi pengajaran yang terdiri daripada pengajaran berpusatkan guru, pengajaran berpusatkan pelajar dan pengajaran berpusatkan bahan. Kajian ini melibatkan seramai 254 orang responden murid. sampel kajian dipilih secara rawak berstrata dan berkelompok daripada seluruh negeri Sabah. Bahagian yang terlibat adalah Bahagian Tawau, Bahagian Sandakan, Bahagian Pantai Barat Utara, Bahagian Pantai Barat Selatan dan Bahagian Pedalaman.Kajian ini melibatkan 5 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Negeri Sabah. Data kajian telah dianalisis secara deskriptif menggunakan min, sisihan piawai dan peratusan manakala analisis inferens menggunakan ujian t, ujian ANOVA dan korelasi Pearson.

DAPATAN KAJIAN

Strategi Pengajaran

Analisis secara deskriptif bagi strategi pengajaran berpusatkan guru menunjukkan skor min berada pada aras sederhana tinggi ($\text{min}=3.88$, $\text{sp}=0.547$) sebagaimana mana dijelaskan dalam jadual 1.1. Dapatkan kajian menunjukkan tiga item dalam strategi ini diinterpretasikan pada aras tinggi. Item-item tersebut adalah guru prihatin dengan murid ($\text{min}=4.13$, $\text{sp}=1.106$) dengan peratusan responden murid menyatakan sangat setuju dan setuju 76%, guru melibatkan murid dalam sesi pengajaran ($\text{min}=4.03$, $\text{sp}=1.072$) dengan peratusan responden murid menyatakan sangat setuju dan setuju 69.3% dan guru menambah maklumat baru yang dipetik dari al-Quran dan hadis ($\text{min}=4.07$, $\text{sp}=0.906$) dengan peratusan responden murid menyatakan sangat setuju dan setuju 75.6%.

Manakala tiga item mempunyai skor min pada tahap sederhana tinggi iaitu guru mempelbagaikan kaedah pengajaran ($\text{min}=3.41$, $\text{sp}=1.032$) dengan peratusan responden murid menyatakan sangat setuju dan setuju 47.7%, guru bercerita menyampaikan pengajaran tafsir al-Quran ($\text{min}=3.83$, $\text{sp}=0.922$) dengan peratusan responden menyatakan sangat setuju dan setuju 65.8% dan guru sangat berminat menggunakan kaedah penceritaan ($\text{min}=3.82$, $\text{sp}=0.976$) dengan peratusan responden murid menyatakan sangat setuju dan setuju 62.6%.

Jadual 1.1: Strategi pengajaran berpusatkan guru

No	Item	STS %	TS %	KS %	S %	SS %	Min	S.P	INT
B15	*Guru prihatin dengan murid.	9 3.5	17 6.7	35 13.8	63 24.8	130 51.2	4.13	1.106	T
B16	*Guru melibatkan murid dalam sesi pengajaran.	4 1.6	22 8.7	52 20.5	61 24	115 45.3	4.03	1.072	T
B17	*Guru mempelbagaikan kaedah pengajaran.	11 4.3	33 13	89 35	83 32.7	38 15	3.41	1.032	ST
B18	Guru bercerita menyampaikan pengajaran tafsir al-Quran.	1 0.4	20 7.9	66 26	100 39.4	67 26.4	3.83	0.922	ST
B19	Guru menambah maklumat baru yang dipetik dari al-Quran dan hadis.	2 0.8	12 4.7	48 18.9	97 38.2	95 37.4	4.07	0.906	T
B20	Guru sangat berminat menggunakan kaedah penceritaan.	2 0.8	21 8.3	72 28.3	84 33.1	75 29.5	3.82	0.976	ST
Min keseluruhan									
	*Penyata negatif yang telah dikod semula								

Strategi pengajaran berpusatkan murid

Analisis deskriptif bagi strategi pengajaran berpusatkan murid adalah seperti dalam jadual 1.2. Keputusan analisis deskriptif yang dipaparkan dalam jadual 1.2 menunjukkan skor min keseluruhan pada aras sederhana tinggi ($\text{min}=3.47$, $\text{sp}=0.555$). Hasil kajian mendapati dua item mempunyai nilai skor min pada aras sederhana rendah iaitu guru membahagikan murid mengikut kumpulan kecil ($\text{min}=2.94$, $\text{sp}=1.213$) dengan peratusan responden murid menyatakan sangat setuju dan setuju 31.9% dan guru meminta murid menyenaraikan isi penting tafsir al-Quran ($\text{min}=2.93$, $\text{sp}=1.095$) dengan peratusan responden murid menyatakan sangat setuju dan setuju 29.2%.

Manakala item-item yang lain dalam strategi ini mempunyai skor min pada aras sederhana tinggi. Guru membuka sesi perbincangan isi-isi penting ($\text{min}=3.97$, $\text{sp}=0.926$) dengan peratusan responden murid menyatakan sangat setuju dan setuju 70.1%, guru menyatakan murid tentang tafsir al-Quran yang telah dipelajari ($\text{min}=3.84$, $\text{sp}=0.981$) dengan peratusan responden menjawab sangat setuju dan setuju 67.7%, guru bersoal jawab dengan murid sebelum pengajaran tafsir al-Quran ($\text{min}=3.55$, $\text{sp}=1.046$) dengan peratusan responden menyatakan sangat setuju dan setuju 52.8%, guru membimbing murid dalam kumpulan. ($\text{min}=3.39$, $\text{sp}=1.184$) dengan peratusan responden murid menyatakan sangat setuju dan setuju 51.6%, guru menggalakkan murid untuk menganalisis ayat al-Quran ($\text{min}=3.39$, $\text{sp}=1.034$) dengan peratusan responden murid menyatakan sangat setuju dan setuju 46.1%, guru membimbing murid menganalisis ayat al-Quran ($\text{min}=3.62$, $\text{sp}=1.048$) dengan peratusan responden menyatakan sangat setuju dan setuju 56.7%, guru meminta murid membentangkan hasil pembelajaran ($\text{min}=3.35$, $\text{sp}=1.075$) dengan peratusan

responden murid menyatakan sangat setuju dan setuju 45.3% dan guru berminat kaedah pengajaran pembentangan ($\text{min}=3.70$, $\text{sp}=1.131$) dengan peratusan responden menyatakan sangat setuju dan setuju 59.4%.

Jadual 1.2: Strategi pengajaran berpusatkan murid

No	Item	STS %	TS %	KS %	S %	SS %	Min	S.P	INT
B21	Guru meminta murid membentangkan hasil pembelajaran.	14 5.5	36 14.2	89 35	76 29.9	39 15.4	3.35	1.075	ST
B22	Guru meminta murid menyenaraikan isi penting tafsir al-Quran.	29 11.4	55 21.7	96 37.8	54 21.3	20 7.9	2.93	1.095	SR
B23	Guru berminat kaedah pengajaran pembentangan.	13 5.1	22 8.7	68 26.8	77 30.3	74 29.1	3.70	1.131	ST
B24	Guru membuka sesi perbincangan isi-isi penting.	0 0	18 7.1	58 22.8	91 35.8	87 34.3	3.97	0.926	ST
B25	Guru menyoal murid tentang tafsir al-Quran yang telah dipelajari.	3 1.2	24 9.4	55 21.7	100 39.4	72 28.3	3.84	0.981	ST
B26	*Guru berosal jawab dengan murid sebelum pengajaran tafsir al-Quran.	12 4.7	21 8.3	87 34.3	84 33.1	50 19.7	3.55	1.046	ST
B27	Guru membahagikan murid mengikut kumpulan kecil.	36 14.2	55 21.7	82 32.3	50 19.7	31 12.2	2.94	1.213	SR
B28	Guru membimbing murid dalam kumpulan.	23 9.1	32 12.6	68 26.8	85 33.5	46 18.1	3.39	1.184	ST
B29	Guru menggalakkan murid untuk menganalisis ayat al-Quran.	9 3.5	39 15.4	89 35	78 30.7	39 15.4	3.39	1.034	ST
B30	Guru membimbing murid menganalisis ayat al-Quran.	7 2.8	30 11.8	73 28.7	86 33.9	58 22.8	3.62	1.048	ST
Min keseluruhan							3.47	0.555	ST
	*Penyata negatif yang telah dikod semula								

Strategi pengajaran berpusatkan bahan

Analisis secara deskriptif bagi strategi pengajaran berpusatkan bahan dijelaskan dalam jadual 1.3. Secara keseluruhan analisis deskriptif bagi strategi pengajaran ini menunjukkan skor min ($\text{min}=3.78$, $\text{sp}=0.685$) pada tahap sederhana tinggi. Guru memberi latih tubi kepada murid ($\text{min}=4.09$, $\text{sp}=0.964$) dengan peratusan responden murid menyatakan sangat setuju dan setuju 77.9% mencatatkan nilai skor min yang tertinggi. Manakala item-item yang lain berada pada skor min sederhana tinggi sahaja iaitu memberi penekanan kepada murid yang lemah ($\text{min}=3.74$, $\text{sp}=1.139$) dengan peratusan responden menyatakan sangat setuju dan setuju 62.2%, menyebut semula isi-isi penting ($\text{min}=3.65$, $\text{sp}=0.985$) dengan peratusan responden murid menyatakan sangat setuju dan setuju 60.3%, mengulangi tajuk yang telah dipelajari setiap kali di penghujung sesi pengajaran

(min=3.81, sp=1.010) dengan peratusan responden murid menyatakan sangat setuju dan setuju 65.7% dan melazimi murid dengan soalan-soalan sebagai latihan tambahan (min=3.59, sp=1.066) dengan peratusan responden murid menyatakan sangat setuju dan setuju 55.1%.

Jadual 1.3: Strategi pengajaran berpusatkan bahan

No	Item	STS %	TS %	KS %	S %	SS %	Min	S.P	INT
B31	Guru memberi latih tubi kepada murid .	1 0.4	23 9.1	32 12.6	94 37	104 40.9	4.09	0.964	T
B32	Guru memberi penekanan kepada murid yang lemah.	11 4.3	27 10.6	58 22.8	78 30.7	80 31.5	3.74	1.139	ST
B33	Guru meminta murid menyebut semula isi-isi penting tafsir ayat al-Quran.	7 2.8	23 9.1	71 28	103 40.6	50 19.7	3.65	0.985	ST
B34	Guru meminta mengulangi tajuk yang telah dipelajari setiap kali di penghujung sesi pengajaran.	6 2.4	20 7.9	61 24	95 37.4	72 28.3	3.81	1.010	ST
B35	Guru melazimi murid dengan soalan-soalan sebagai latihan tambahan	10 3.9	27 10.6	77 30.3	84 33.1	56 22	3.59	1.066	ST
Min keseluruhan							3.78	0.685	ST

Rumusan keseluruhan strategi pengajaran

Jadual 1.4 menunjukkan min, sisihan piawai, interpretasi min bagi ketiga-tiga jenis strategi pengajaran tafsir al-Quran yang diperolehi daripada persepsi guru dan murid. Min keseluruhan dari persepsi guru ialah 3.80 dan sisihan piawai 0.371 berada pada interpretasi min sederhana tinggi. Manakala min keseluruhan dari persepsi murid ialah 3.66 dan sisihan piawai 0.455 berada pada interpretasi min sederhana tinggi.

Jadual 1.4: Rumusan elemen strategi pengajaran dari persepsi guru dan murid

Elemen Strategi Pengajaran Ayat Kefahaman	Persepsi Guru			Persepsi Murid		
	Min	S.P	INT	Min	S.P	INT
Berpusatkan guru	4.60	0.574	T	3.88	0.547	ST
Berpusatkan murid	3.70	0.455	ST	3.47	0.555	ST
Berpusatkan bahan	3.97	0.570	ST	3.78	0.685	ST
Min Keseluruhan	3.80	0.371	ST	3.66	0.455	ST

Jadual 1.4 menunjukkan persepsi guru dan persepsi murid mencatatkan tahap interpretasi min yang sama pada duajenis strategi pengajaran pada nilai sederhana tinggi iaitu pada strategi pengajaran berpusatkan murid serta strategi pengajaran berpusatkan bahan. Guru dan murid berbeza persepsi pada strategi pengajaran berpusatkan guru. Persepsi guru mencatatkan nilai min pada tahap tinggi manakala persepsi murid mencatatkan nilai min pada tahap sederhana tinggi.

Elemen yang mencatatkan nilai interpretasi min tinggi dari persepsi guru adalah strategi pengajaran berpusatkan guru (min=4.60, sp=0.574), manakala dua strategi pengajaran mencatatkan interpretasi

min pada tahap sederhana tinggi dari persepsi guru iaitu strategi pengajaran berpusatkan murid ($\text{min}=3.70$, $\text{sp}=0.455$) dan strategi pengajaran berpusatkan bahan ($\text{min}=3.97$, $\text{sp}=0.570$).

Manakala strategi pengajaran tafsir al-Quran dari persepsi murid mencatatkan interpretasimin yang sama pada ketiga-tiga strategi pengajaran iaitu pada tahap sederhana tinggi pada strategi pengajaran berpusatkan guru ($\text{min}=3.88$, $\text{sp}=0.547$), strategi pengajaran berpusatkan murid ($\text{min}=3.47$, $\text{sp}=0.555$) serta strategi pengajaran berpusatkan bahan ($\text{min}=3.78$, $\text{sp}=0.685$).

Secara umumnya, dua strategi pengajaran tafsir al-Quran mencatatkan tahap interpretasi yang sama berdasarkan persepsi guru dan murid. Strategi pengajaran berpusatkan murid mencatatkan nilai min yang paling rendah berbanding strategi pengajaran yang lain daripada kedua-dua persepsi responden iaitu persepsi guru dan murid. Hal ini menunjukkan guru dan murid bersetuju bahawa strategi pengajaran berpusatkan murid adalah kaedah pengajaran yang tidak diminati dan kurang diperaktikkan oleh guru dalam pengajaran tafsir al-Quran.

Bagi strategi pengajaran berpusatkan bahan mencatatkan nilai min yang kedua tertinggi berbanding strategi yang lain berdasarkan persepsi guru dan murid. Hal ini menjelaskan bahawa guru dan murid bersetuju bahawa strategi pengajaran bagi tafsir al-Quran yang lebih kerap diperaktikkan oleh guru adalah strategi pemusatkan bahan berbanding strategi pemusatkan murid.

Strategi pengajaran pemusatkan guru mencatatkan nilai min tertinggi berbanding strategi pengajaran yang lain berdasarkan persepsi guru dan murid. Nilai min bagi persepsi guru mencatatkan nilai min yang tinggi manakala nilai min bagi persepsi murid mencatatkan nilai min sederhana tinggi. Walaupun terdapat perbezaan yang besar pada nilai min bagi persepsi guru dan murid, namun begitu strategi pemusatkan guru mencatatkan nilai min yang paling tinggi berbanding strategi pengajaran yang lain berdasarkan persepsi guru dan murid. Hal ini menunjukkan bahawa guru dan murid bersetuju strategi pengajaran pemusatkan guru merupakan kaedah utama yang sering digunakan oleh guru dalam pengajaran tafsir al-Quran. Seterusnya diikuti strategi pengajaran pemusatkan bahan dan strategi terakhir yang menjadi pilihan guru adalah strategi pengajaran pemusatkan murid.

RUMUSAN

Manakala dapatan kajian untuk strategi pengajaran berada pada tahap sederhana sahaja. Strategi pengajaran ayat kefahaman yang difokuskan dalam kajian ini adalah yang telah digariskan oleh al-Ghazali secara umum dan perincian strategi pengajaran tersebut diambil dalam buku bertajuk Panduan ulangkaji ilmu pendidikan oleh Ragbir (2005). Pengkaji melihat tiga strategi pengajaran yang sesuai menurut pandangan al-Ghazali adalah strategi pemusatkan guru, strategi pemusatkan murid dan strategi pemusatkan bahan.

Hasil dapatan menunjukkan strategi pengajaran tafsir al-Quran yang menjadi pilihan guru adalah strategi pemusatkan guru. Selari dengan dapatan kajian, strategi pemusatkan guru adalah strategi yang mempunyai hubungan yang paling tinggi dengan penghayatan al-Quran murid berbanding strategi pengajaran yang lain. Jelas bahawa guru di SMKA di Sabah mengamalkan strategi pengajaran pemusatkan gurudengan menggunakan kaedah-kaedah pengajaran yang sesuai seperti bercerita, syarah dan kuliah dalam pengajaran tafsir al-Quran sehingga dapat menghasilkan penghayatan al-Quran di kalangan pelajar. Intipati pengajaran ayat kefahaman al-Quran yang disampaikan melalui kaedah penceritaan dan syarah dapat memuatkan maklumat-maklumat tambahan yang menarik. Selain itu, teknik-teknik tertentu dapat digunakan untuk lebih menarik minat murid untuk mendalamai ilmu-ilmu al-Quran.

Seterusnya strategi pengajaran yang menjadi pilihan kedua guru dalam pengajaran tafsir al-Quran adalah strategi pemusatkan bahan, manakala strategi terakhir yang menjadi pilihan guru adalah pemusatkan murid. Walau bagaimanapun hasil dapatan hubungan ketiga-tiga jenis strategi pengajaran dengan penghayatan al-Quran murid mencatatkan strategi pengajaran pemusatkan murid mempunyai hubungan tertinggi selepas strategi pengajaran pemusatkan guru. Manakala strategi pengajaran pemusatkan bahan mencatatkan nilai terendah antara ketiga-tiga strategi. Hal ini bertentangan dengan amalan kebiasaan pemilihan strategi di kalangan guru-guru agama di SMKA. Guru-guru agama di SMKA lebih berminat menggunakan strategi pengajaran pemusatkan bahan daripada strategi pengajaran pemusatkan murid. Justeru itu, guru agama di SMKA di Sabah harus mengubah penggunaan strategi pengajaran yang digunakan selama ini dalam pengajaran tafsir al-Quran kepada strategi pengajaran yang lebih memberi kesan terhadap penghayatan al-Quran murid. Amalan guru agama di SMKA di Sabah menggunakan strategi pengajaran pemusatkan bahan sebagai kaedah kedua perlu ditukarkan kepada strategi pengajaran pemusatkan murid dalam pengajaran tafsir al-Quran. Manakala strategi pengajaran pemusatkan bahan perlu menjadi pilihan terakhir guru dalam pemilihan strategi pengajaran ayat kefaham Pengajian al-Quran berikutan hubungan kumpulan strategi ini dengan penghayatan al-Quran murid berada pada tahap yang rendah.

IMPLIKASI KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan sumbangan yang penting dengan terhasilnya satu teori yang diambil daripada pandangan al-Ghazali (2008) dalam mengatur strategi pengajaran yang berkesan yang boleh dilaksanakan untuk membentuk penghayatan al-Quran murid. Teori tersebut telah diperincikan yang terdiri daripada strategi pengajaran pemusatkan guru, pemusatkan murid dan pemusatkan bahan. Setiap strategi yang dilaksanakan akan memberikan kesan yang berbeza kepada penghayatan al-Quran murid menerusi amalan pengajaran guru dalam tafsir al-Quran. Justeru itu, kajian ini juga memberi sumbangan dalam mengenal pasti strategi pengajaran yang paling berkesan dalam menghasilkan penghayatan al-Quran menerusi amalan pengajaran tafsir al-Quran.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim
- Abdul Salam. (2003). *Imam al-Ghazali Pendidikan Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Al-Ghazali, Imam Abu Hamid Muhammed Bin Muhammad. (1980). *Ihya Ulumiddin (Jiwa Agama)*. Jilid 4. Cetakan ke-4. Indonesia: Aisli
- Al-Zakarsyi. (1972). *Al-Burhan fi Ulum al-Quran*. Kaherah: Dar Turath. Jil 2, cet. 3
- Al-Zamakhshari. (1998). *Asas al-Balaghiyah*. Beirut: al-Kutub al-Ilmiyah.
- MisnanJemali. (2008). *Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah al-Quran Sekolah Menengah*. Tesis Pendidikan (Tidak diterbitkan) Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Aderi Che Noh. (2008). *Hubungan amalan pengajaran guru dan pencapaian tilawah al-Quran pelajar tingkatan dua di sekolah menengah harian Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Ragbir Kaur A/P Joginder Singh. (2005). *Panduan Ulangkaji Ilmu Pendidikan untuk Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI)*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.